

CNS4982

U GB 28-01 00161 BA988

bah

Mahathir - Granit

INDUSTRI GRANIT ADA POTENSI UNTUK BERKEMBANG

SUNGAI PETANI, 28 Jan (Bernama) -- Industri granit mempunyai potensi kerana ia masih baru dan belum dimajukan sepenuhnya di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata, syarikat pertama daripada empat syarikat yang diluluskan untuk menceburi industri berkenaan hanya mula beroperasi pada akhir 1991.

"Industri granit mempunyai potensi untuk mengurangkan import dan menaikkan eksport barangan Malaysia," katanya ketika merasmikan kilang Prime Granite (Malaysia) Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Bakar Arang, di sini petang ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah menawarkan galakan cukai untuk menggalakkan pengeluaran ubin dan kepingan granit.

Kepingan granit bergilap daripada sumber granit tempatan telah diwartakan sebagai keluaran yang digalakkan dan layak mendapat galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Bagaimanapun, pemberian galakan itu tertakluk kepada syarat syarikat itu memperolehi sekurang-kurangnya 50 peratus granit daripada sumber tempatan, katanya. -- Lagi.

▼28/01/18-56MST

U GB 28-01 00137 BA990

bah

Mahathir - Granit 2 Sungai Petani

Katanya, sebelum ini, ubin dan kepingan marmar lebih digemari untuk pembinaan rumah, hotel dan bangunan komersil tetapi ia didapati tidak tahan lama dan memerlukan penjagaan rapi.

Sebaliknya, ubin dan kepingan granit didapati lebih tahan lama dan kurang memerlukan penjagaan rapi, di samping tahan lasak serta sesuai untuk kegunaan luaran dan hiasan dinding, menjadikannya lebih digemari pembeli, katanya.

"Saya percaya ada potensi yang besar untuk mengeksport ubin dan kepingan granit bergilap," kata beliau.

Beliau berkata, mengukir tulisan dan hiasan pada kepingan granit sebagai plak cenderamata akan menambah nilainya serta sesuai untuk pasaran tempatan dan eksport.

Mengenai kemajuan sektor perkilangan negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia telah mencapai tahap yang boleh dibanggakan dan dikagumi negara-negara membangun lain. -- Lagi.

▼28/01/19-01MST

CNS4996

U GB 28-01 00141 BA991

bah

Mahathir - Granit 3 Sungai Petani

Katanya, dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan purata lapan peratus setahun bagi tempoh 1988 hingga 1993, sektor perkilangan terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan dengan berkembang sebanyak 12 peratus setahun bagi tempoh 1991 hingga 1993.

Sumbangan sektor itu kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) juga meningkat daripada 26.9 peratus pada 1990 kepada 30.1 peratus pada 1993 dan perkembangan itu merupakan sumbangan daripada industri-industri yang berorientasikan eksport, katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, industri yang berasaskan pasaran tempatan seperti industri bahan binaan juga mencatatkan perkembangan yang kukuh disebabkan pendapatan daripada perniagaan telah meningkat sehingga mereka mampu menggunakan bahan mewah seperti granit untuk bangunan mereka.

Katanya, selaras dengan perkembangan keseluruhan dalam aktiviti pembinaan, pengeluaran bahan-bahan yang berkaitan dengan binaan telah bertambah pada 1993. -- Lagi.

▼28/01/19-02MST

CNS5000

U GB 28-01 00161 BA992

bah

Mahathir - Granit 4 (Akhir) Sungai Petani

"Anggaran terbaru menunjukkan permintaan dan penawaran bahan-bahan binaan bertambah pada kadar 15 hingga 20 peratus setahun. Prestasi sektor pembinaan juga dijangka bertambah baik pada 1994 dengan peningkatan nilai tambahan sebanyak 11.7 peratus," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff.

Perdana Menteri, yang mengadakan lawatan kerja sehari ke Kedah hari ini, sebelum itu melawat kilang Sime Tyre International (M) Sdn Bhd di Mergong, Alor Setar.

Dalam lawatan selama kira-kira sejam itu, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai operasi kilang itu oleh Pengarah Urusannya, Ahmad Zuber Murshid dan melawat sekitar kawasan kilang. Tan Sri Haji Osman dan Pengerusi Sime Tyre International, Tunku Abdul Malik juga hadir.

Dr Mahathir dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini. -- Bernama.

AMJ KHY NMO

▼28/01/19-04MST